

Kit pengurusan kewangan

UPM raih anugerah di Seoul

Seoul: Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi Anugerah Order of Merit: Best Invention for Children bersempena dengan World Inventor Award Festival di Seoul, Korea Selatan menerusi kit amalan peng-

rusan kewangan, Smart Money Kit: Bright Kid Smart Money.

Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Dr Mohamad Fazli Sabri dan Pegawai Perkhid-

matan Pendidikan Siswazah Pusat Penyelidikan Keluarga, Remaja dan Kanak-Kanak (FACE) fakulti yang sama, Nurhayatul Nira Ramli, menerima sijil, pingat dan trofi yang disampaikan oleh Pengerusi, Presiden Suruhanjaya WIAF Korea Invention News (KINEWS), Soung-Mo Hong.

Mohamad Fazli berkata, kit dihasilkan bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa, pendidik dan kanak-kanak mengenai amalan pengurusan kewangan yang bijak dan berhemah.

Katanya, program pendidikan kewangan yang disasarkan bagi kanak-kanak berumur antara enam hingga 12 tahun itu mampu membimbing mereka menganalisa kepentingan serta pengurusan wang.

“Tinjauan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang didedahkan



‘Smart Money Kit : Bright Kid Smart Money’ yang dihasilkan bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa, pendidik dan kanak-kanak mengenai amalan pengurusan kewangan yang bijak dan berhemah.

kepada pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan pada awal usia akan memiliki kemahiran pengurusan kewangan yang positif apabila mereka dewasa.

Modul kewangan

“Produk ini sesuai untuk kegunaan masyarakat tempatan dan antarabangsa. Kaedah ‘belajar sambil bermain’ serta aktiviti santai mengikut perkembangan umur juga adalah kelebihan produk itu.

kelebihan produk ini,” katanya.

Antara modul pendidikan kewangan terkandung dalam kit itu ialah mari kenal wang, matlamat kewangan, keperluan melawan kehendak, simpanan, belanja dan bajet, serta konsep atas perbankan Islam.

Kaedah ‘belajar sambil bermain’ serta aktiviti santai mengikut perkembangan umur juga adalah kelebihan produk itu.

Mohamad Fazli berkata, pengiktirafan itu menunjukkan bahawa hasil inovasi penyelidik tempatan bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat tempatan malah memberi sumbangan yang signifikan kepada masyarakat antarabangsa.

“Pengiktirafan ini membuka ruang dan peluang produk tempatan menembusi pasaran antarabangsa,” katanya.



Mohamad Fazli dan Nurhayatul Nira ketika menerima anugerah **‘Order of Merit: Best Invention for Children’** daripada Soung-Mo Hong (kiri) bersempena dengan World Inventor Award Festival di Seoul, Korea.